



“Saya sangat gembira dengan kemenangan ini dan saya juga tidak menjangkakan kemenangan kali ini memandangkan ini kali pertama saya menyertai acara 5000m serta saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada jurulatih saya di atas segala kerja keras beliau melatih saya”

Loh Chooi Fern

EMAS PERTAMA

Loh Chooi Fern



KERJASAMA



Sukan Institusi Pengajian Tinggi



@sukanipt2014

<http://sukipt.com.my>



EMAS PERTAMA SUKIPT 2014

Wartawan : Ahmad Muzakir Mohd Zuki

Foto : Adam Ghazali

Atlet Universiti Tunku Abdul Rahman, Loh Chooi Fern (gambar) mencatat sejarah apabila menjadi atlet pertama merangkul emas menerusi acara 5000m wanita yang berlangsung di Arena UM, Universiti Malaya sebentar tadi.

Loh Chooi Fern muncul pemenang selepas mencatat 20.35 minit manakala pesaing terdekat beliau ketinggalan lebih dua minit di belakang.

"Saya sangat gembira dengan kemenangan ini dan saya juga tidak menjangkakan kemenangan kali ini memandangkan ini kali pertama saya menyertai acara 5000m serta saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada jurulatih saya di atas segala kerja keras beliau melatih saya," ujar Loh Chooi Fern.



Manakala pingat perak bagi acara 5000m dimenangi oleh atlet Politeknik Kedah, Shalani A/P Partiban dengan catatan masa 22. 53 minit dan pingat gangsa dimenangi oleh atlet Universiti Malaysia Sabah, Dora Suan dengan catatan masa 23.02 minit.

Dalam temasya SUKIPT yang lalu, Loh Chooi Fern memenangi pingat emas melalui acara 5 KM berjalan kaki dan ini merupakan penampilan kedua beliau dalam acara ini.



PENYELARAS

Ishanuddin bin Hussin

EDITOR

Zaidi bin Shariff

Nor Azlina binti Mohd Zubaidi

GRAFIK

Faizal bin Ayob

Shahirah Hafifah binti Sangaji

Lily Haryanti binti Az Muzni

JURUFOTO

Meor Sharifuddin bin Meor Shukri

Khairulnizam bin Md Hairuddin

Enamul Shah bin Abdul Halim

Yusri bin Md Yusof

Mohd. Fauzan bin Md. Sardi

Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar

Pelajar Kolej Komuniti Jasin



REKOD TERCIPTA PADA HARI PERTAMA

Wartawan : Ahmad Muzakir

Atlet Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Nur Fatin Adibah Suharman, sekali lagi beraksi cemerlang dengan memecah rekod lama yang juga dipegang olehnya di dalam kejohanan SUKIPT kali ini melalui acara merejam lembing dengan rejaman sejauh 41.25 meter di Arena UM sebentar tadi.

"Saya berasa sangat gembira kerana dapat memecahkan rekod lama kejohanan walaupun saya memecahkan rekod saya sendiri."Ujar Fatin Adibah.

"Saya juga rasakan kemenangan ini merupakan kemenangan istimewa bagi saya kerana saya telah memenangi dua pingat emas berturut-turut dalam kejohanan ini,"Ujarnya lagi.

Sementara itu pingat perak dimenangi oleh atlet dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), dengan rejaman sejauh 32.12 meter

dan pingat gangsa di menangi atlet INTI International University (INTI IU), Ng Jia Yuan dengan rejaman sejauh 29.37 meter.

Nur Fatin Adibah juga berharap dapat beraksi di Sukan Universiti Asean di Palembang pada tahun ini.



UTM MONOPOLI ACARA JUDO WANITA

Wartawan : Maznira Abdul Razak

Foto: Syazwan Azli

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memonopoli lima daripada enam kategori acara Judo wanita yang telah dipertandingkan pada hari pertama Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 di Dewan Sri Budiman, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, pagi tadi.

Pingat emas yang dibawa pulang oleh UTM adalah dari kategori Ju No Kata oleh Liew Wen Jun dan Nurul Ain Atiqah, kategori 48-52 KG yang dimenangi oleh Liew Wen Jun, kategori 52-57 KG disumbang oleh Norhidayu Muliar, kategori 57-63 KG pula dimenangi oleh Nurul Ain Atiqah dan kategori 63-70 KG menjadi milik Norsafina Rahman.

Tan Choy Gin dari Universiti Sains Malaysia (USM) pula membawa pulang pingat perak dan Nur Umairah dari Universiti Putra Malaysia (UPM) memungut pingat gangsa dalam

kategori 48-52 KG, Hazirah Nadiah dari UiTM pula mendapat pingat perak untuk kategori 63-70 KG.

Bagi kategori bawah 48 KG, atlet dari UPM iaitu Nur Quratu Aini telah memenangi pingat emas setelah berhempas pulas menjatuhkan Sakinah Ahmad Kamal iaitu atlet dari UiTM.

"Saya berasa sangat gembira dan bersyukur dengan kemenangan yang telah kami semua perolehi pada hari ini. Kemenangan ini bukan untuk saya sahaja tetapi juga untuk seluruh warga UTM," kata Nurul Ain Atiqah semasa ditemubual.

"Saya berterima kasih kepada semua yang menyokong lebih-lebih lagi kepada jurulatih dan juga rakan-rakan seperjuangan," ujar Nurul Ain lagi.







UPM: EMAS KETIGA

Wartawan: Aainaa Nazirah Anuar
Foto : Adam Ghazali

Pingat emas terakhir olahraga hari ini bagi acara 5000 meter lelaki yang dipertandingkan di Stadium Arena Universiti Malaya (UM) menjadi milik Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas atlet olahraga mereka, Ahmad



Luth Hamizan, 22, berjaya menamatkan perlumbaan dengan catatan masa 17.15 minit.

"Walaupun saya sedikit kecewa apabila tidak berjaya memecahkan rekod lepas, saya akan beraksi dengan lebih mantap pada acara saya yang seterusnya," katanya yang ditemui selepas majlis penyampaian pingat.

Selepas ini, Lut Hamizan akan menyertai acara 3000 meter berhalangan dan berjanji untuk beraksi dengan lebih baik dalam usaha membantu UPM untuk mengekalkan kejuaraan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT).

UPM mendahului acara olahraga dengan memiliki tiga daripada lima pingat yang dipertandingkan hari ini.



EMAS KEKAL MILIK ADI

Wartawan : Aainaa Nazirah Anuar
Foto : Wan Naqid



Atlet lontar peluru kategori lelaki, Adi Alifuddin Hussin (tengah) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mempertahankan pingat emas yang dimenangi beliau di kejohanan Sukan Institusi Pelajaran Tinggi (SUKIPT) edisi 2012.

Pada SUKIPT kali ini, beliau merekodkan lontaran sejauh 15.85 meter. Adi yang merupakan pemegang rekod kejohanan SUKIPT ketika ditemui berkata, beliau hanya sempat berlatih seminggu sebelum kejohanan bermula.

"Atlet lain telah mempamerkan kualiti dan persaingan yang hebat pada edisi kali ini. Meskipun tidak berjaya memecah rekod kejohanan, saya tetap berfikir positif."

Pingat perak pula diraih oleh atlet dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Max Anzie Jetol (13.20m) dan pingat gangsa menjadi milik Goh Wei Kiang (12.83m) dari Kolej Komuniti Johor.



USM UNGGULI ACARA TAEKWONDO BERPASUKAN

Wartawan : Fatin Ainur Ramlee dan Nursyafiqah Abdul Samat



Acara taekwondo bagi kategori poomsae menawarkan tiga pingat emas, tiga perak dan enam gangsa dengan Universiti Sains Malaysia (USM) mengungguli dua daripadanya.

Bagi kategori berpasukan lelaki, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya memenangi pingat emas dengan catatan mata 6.85 dan pingat perak dimenangi oleh Kolej Universiti Abdul Rahman (TAR UC) dengan catatan mata 6.58 manakala pingat gangsa berjaya diperolehi HELP University dengan catatan mata 6.20.

Kategori wanita berpasukan pula diungguli oleh USM yang mempertaruhkan salah seorang atlet kebangsaan yang pernah bertanding di Kejohanan World Poomsae Championship baru-baru ini iaitu Jocelyn Chai Shwuin dan pingat perak dimenangi oleh HELP University manakala gangsa oleh UMS.

"Kami berasa gembira dan berbangga kerana dapat menyumbangkan emas pertama bagi USM dan kami dapat memperbaiki kedudukan berbanding SUKIPT yang lalu," kata Amila Faqhira, atlet wanita USM.

USM sekali lagi berjaya menggondol pingat emas bagi kategori beregu campuran dengan catatan mata 7.29 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) memperoleh pingat perak manakala UMS sekadar memperoleh pingat gangsa. Pingat disampaikan oleh Pengarah Pusat Sukan Universiti Teknologi MARA (UiTM), En.Mustaza Ahmad.



PUNGUTAN PINGAT



		4	1	2
	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	4	1	2
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	4	0	0
	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	2	1	0
	UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN	2	0	0
	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	1	2	3
	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	1	0	0
	HELP UNIVERSITI	0	1	2
	KOLEJ UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN	0	1	1
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	0	1	0
	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU	0	1	0
	POLITEKNIK KEDAH	0	1	0
	TAJ INTERNATIONAL COLLEGE	0	1	1
	KOLEJ KOMUNITI JOHOR	0	0	1
	INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY	0	0	1
	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	0	0	1

ACARA 07.02.2014

BADMINTON

Lelaki (WD) Pusingan 3
Lelaki (XD) Pusingan 1
Wanita (MD) Pusingan 3
Wanita (XD) Pusingan 1

TENIS

Perseorangan dan Bergu Lelaki & Wanita
& Campuran

TENPIN BOWLING

Women's Singles

BOLA TAMPAR(Lelaki & Wanita)

PETANQUE

Lelaki & Wanita Duo(Peringkat Kumpulan)

TAEKWONDO

Pusingan Awal hingga Akhir Kyorugi
Lelaki & Wanita (Fin,Welter,Heavy)

OLAHRAGA

10000M Jalan Kaki Lelaki(Akhir)
Hepthathlon Lompat Jauh Wanita(Akhir)
Lompat Tinggi Lelaki(Akhir)
1500M Lelaki & Wanita(S/Akhir)
Hepthathlon Merejam Lembing Wanita(Akhir)
4 X 100M Lari Berganti Lelaki & Wanita(S/Akhir)
400M Lari Berganti Lelaki(S/Akhir)
10000M Wanita(Akhir)

LAWN BOWLS

Lelaki(Single,Pairs,Triples,Fours)
Wanita(Single,Pairs,Triples,Fours)

SOFBOL

Lelaki & Wanita (Peringkat Kumpulan)

MEMANAH

Pusingan Kelayakan Recurve
Wanita(Double 70m)
Pusingan Kelayakan Compound
Lelaki(Double 50m)

BOLA JARING(Pusingan Ketiga)

CATUR(Pusingan 7 & 8)

HOKI

Lelaki & Wanita(Pusingan Kedua)

Lompat Jauh Lelaki(Akhir)
Lontar Peluru Wanita(Akhir)
Lempar Cakera Lelaki(Akhir)
400M Lari Berganti Lelaki & Wanita(Akhir)
Hepthathlon 800M Wanita(Akhir)
4 X 100M Lari Berganti Lelaki & Wanita(Akhir)

**Sumber dari buku jadual permainan
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan*